

# Sorotan Literatur Kepentingan Disiplin Ilmu Sintaksis Bahasa Arab dalam pentafsiran al-Quran

**BITARA**

Volume 5, Issue 4, 2022: 166-173  
© The Author(s) 2022  
e-ISSN: 2600-9080  
<http://www.bitarajournal.com>  
Received: 9 Jun 2022  
Accepted: 9 October 2022  
Published: 16 November 2022

## [Literature review on Importance of Arabic Syntactic Disciplines in the Interpretation of the Quran]

**Abdul Wahid Salleh, Zawawi Yusoff, Wan Ismail Wan Abdullah & Noorsafuan Che Noh<sup>1</sup>**

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.  
E-mail: wardahhabibi@unisza.edu.my; zawawi@unisza.edu.my; wismail@unisza.edu.my; noorsafuancn@unisza.edu.my

\* Corresponding Author: noorsafuancn@unisza.edu.my

### Abstrak

Penyelewengan pentafsiran al-Quran dewasa ini dilakukan oleh golongan tertentu dengan menggunakan akal semata-mata tanpa merujuk kepada disiplin ilmu tafsir. Perkara ini secara umumnya disebabkan oleh kegagalan umat Islam memahami dan menguasai disiplin bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran. Implikasinya, pemahaman sebenar agama Islam boleh disalahertikan apabila makna al-Quran difahami dengan cara yang salah. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji sorotan literatur Analisis Sintaksis (al-tahlil al-nahwi) disiplin ilmu al-Quran dengan tafsir. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pengumpulan data dilakukan melalui kajian kepustakaan. Data yang diperoleh diproses dengan menggunakan metode deduktif melalui pendekatan komparatif, metode pensejarahan dan metode Analisis Sintaksis. Dapatkan kajian ini merumuskan Kajian ini juga mendapati masyarakat Islam terutamanya pakar tafsir perlu memahami peranan bahasa Arab dan kehendak sebenar aplikasi Analisis Sintaksis dalam membuat sesuatu pentafsiran ayat al-Quran. Kajian ini boleh diterapkan dalam pembelajaran disiplin ilmu tafsir al-Quran di peringkat sekolah, pusat pengajian tinggi dan pertubuhan bukan kerajaan.

**Kata kunci:** ilmu sintaksis, Bahasa Arab, tafsir al-Quran.

### Abstract

Distortion of the interpretation of the Quran today is carried out by certain groups using reason alone without reference to the discipline of tafsir. This is generally due to the failure of Muslims to understand and master the discipline of Arabic as the language of the Quran. The implication is that the true understanding of Islam can be misunderstood when the meaning of the Quran is understood in the wrong way. In this regard, this study was conducted to examine the literature on the Syntactic Analysis (al-tahlil al-nahwi) of the Quranic discipline with tafsir. This study is qualitative with data collection done through library studies. The data obtained is processed using deductive methods through comparative approaches, historiography methods and syntactic analysis methods. The findings of this study conclude that this study also found that the Muslim community especially tafsir experts need to understand the role of Arabic and the real will of the application of Syntactic Analysis in making an interpretation of Quranic verses. This study can be applied in the learning of the discipline of Quranic interpretation at the level of schools, higher learning centres and non-governmental organizations.

**Keywords:** syntax knowledge, Arabic, interpretation of the Quran.

**Cite This Article:**

Abdul Wahid Salleh, Zawawi Yusoff, Wan Ismail Wan Abdullah & Noorsafuan Che Noh. (2022). Sorotan Literatur Kepentingan Disiplin ilmu sintaksis Bahasa Arab dalam pentafsiran al-Quran [Literature review on Importance of Arabic syntactic disciplines in the interpretation of the Quran]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(4): 166-173.

## Pengenalan

Al-Qur'an diwahyukan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammmad saw melalui perantaraan malaikat Jibrail selama 23 tahun dalam bahasa Arab. Kitab ini merupakan sumber rujukan utama umat Islam dan ajarannya menyuluh seluruh aspek kehidupan manusia serta memandu mereka ke arah kebahagiaan dan kesenangan hidup di dunia dan akhirat (Rida 1996: 1-17). Keperluan kepada penghuraian makna al-Qur'an menyebabkan lahirnya disiplin ilmu tafsir yang masih kekal sejak zaman Rasulullah saw sehingga ke hari ini. Perkara ini diperlukan kerana isi kandungan al-Qur'an perlu diinterpretasikan, ditafsirkan dan dihuraikan maknanya oleh ilmuwan Islam lantaran tidak semua umat Islam dapat menghayati maksudnya yang sebenar (al-Qarni 2003: 9-10). Allah SWT berfirman dalam al-Qur'an surah Taha ayat 113: Dan demikianlah Kami telah menurunkan al-Qur'an sebagai bacaan dalam bahasa Arab.

Penurunan al-Qur'an dalam bahasa Arab menggambarkan bahawa ia merupakan bahasa yang memiliki kekuatan dan keupayaan sebagai bahasa agama yang saintifik, rasional dan bersifat ilmiah (al-Qaradawi 2001: 229). Bahasa Arab adalah bahasa yang kaya dengan perkataan, kepelbagaian gaya pengungkapan, keluasan cakupan pengertian dan ketinggian nilai kesusasteraan. Beg (1983: 14) menegaskan bahawa bahasa Arab merupakan bahasa pengantar agama Islam. Rujukan utama Islam yang terdiri daripada al-Qur'an dan Hadith Nabi saw ditulis dalam bahasa Arab.

Aspek penguasaan bahasa adalah satu elemen penting dalam memahami nas al-Qur'an dan hadith Nabi saw. Adalah mustahil seseorang dapat memahami pengertiannya secara yang tersurat mahupun tersirat tanpa menguasai bahasa tersebut dari pelbagai sudut (Sanu t.th.: 95). Kepentingan aspek kebahasaan ini telah diperhatikan dan dibincangkan oleh pelbagai pihak semenjak dahulu lagi (Sha'ban 1987: 347). Imam Shafi'i (1939: 40) menjelaskan bahawa antara inti pati ilmu berkait kitab Allah SWT adalah mengetahui bahawa seluruh al-Qur'an itu dalam bahasa Arab dan dalam bahasa Arab diturunkan al-Qur'an dan didatangkan sunnah Rasulullah saw. Al-Qaradawi (1997: 86) menyebut bahawa isu penyimpangan dalam memahami kehendak nas (yang terdiri daripada ayat al-Qur'an dan hadith Nabi saw) adalah akibat kedangkalan seseorang berinteraksi dengan nas yang diturunkan dalam bahasa Arab.

Oleh itu, disiplin ilmu bahasa Arab dianggap satu sumber penting daripada sumber-sumber pentafsiran al-Qur'an. Al-Dhahabi (t.th., 1:266) merekodkan kenyataan ulama 'ulum al-Qur'an yang menggariskan bahawa disiplin bahasa Arab mesti difahami oleh setiap pentafsir al-Qur'an antaranya ilmu nahu (sintaksis), sarf (morphology), balaghah (rhetoric) dan sebagainya. Bagaimanakah seseorang yang tidak mempunyai kefahaman yang mendalam dalam bidang bahasa Arab ingin mentafsir al-Qur'an? Uslub dan gaya bahasa Arab berbeza dengan gaya bahasa lain dan hanya pentafsir yang mempunyai pengetahuan tentang bahasa Arab, ilmu yang berkaitan dengannya dan mengetahui kebudayaan orang Arab layak mentafsir al-Qur'an. Kesilapan pentafsiran boleh menyebabkan penyimpangan daripada ajaran Islam yang sebenar

(al-Qaradawi 2001: 420; Zayd 2009: 26). Disiplin ilmu sintaksis merupakan salah satu ilmu asas yang diperlukan oleh setiap pentafsir. Keperluan kepada Analisis Sintaksis dan impaknya dalam pentafsiran amat penting bagi menzahirkan maksud dan makna al-Qur'an. Ulama tafsir bukan hanya menganalisis bentuk-bentuk Analisis Sintaksis dalam tafsiran mereka tetapi mereka juga menekankan aspek makna tatabahasa. Setiap analisis nahu mempunyai makna-makna tertentu yang difahami oleh mereka yang mempunyai pengetahuan asas dalam bidang tersebut.

## Sorotan Literatur

Bahasa Arab merupakan salah satu syarat pentafsiran al-Qur'an dan asas utama kepada pengertian maknanya. Oleh itu, penguasaan ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab adalah suatu kemestian kepada seseorang yang ingin menceburkan diri dalam bidang pentafsiran al-Qur'an. Kajian bahasa dalam pentafsiran al-Qur'an dibahagikan kepada tiga aliran, pertamanya tafsiran gharib al-Qur'an, kedua: tafsiran nahu dan ketiganya, tafsiran *balaghi* (al-Qaysi 1981:14).

Dalam bidang tafsiran gharib al-Qur'an, penekanan makna sesuatu perkataan yang digunakan dalam al-Qur'an dianggap sukar difahami oleh sebahagian pembaca dan memerlukan kepada penjelasan selayaknya. Aliran kedua, tafsiran nahu menjadi satu bentuk tafsiran yang diperkenalkan selepas pembukuan asas ilmu nahu dan memberi impak yang besar kepada pembukuan karya tafsir nahu. Tafsiran nahu terbahagi kepada dua kategori iaitu, macani al-Qur'an dan *i'rab al-Qur'an* (Kamarul Syukri 2005:38). Sementara aliran tafsiran *balaghi* yang dikenali sebagai tafsir al-bayan merupakan tafsiran al-Qur'an dan pemahaman maksudnya menurut gaya balaghah Arab dan *i'jaz al-Qur'an*.

Pada zaman sekarang, pentafsiran bahasa yang masih mekar dan ditulis sehingga kini berbentuk tafsiran aliran nahu. al-Darwish menggarap karya *i'rab al-Qur'an al-Karim wa bayanuh*, Mahmud Safi menulis kitab *al-Jadwal fi i'rab al-Qur'an wa sarfih wa bayanih*, Bahjat 'Abd al-Wahid menulis kitab *al-I'rab al-mufassal li Kitab Allah al-murattal* dan Mahmud Sulayman mengarang kitab *I'rab al-Qur'an al-Karim*. Semua karya tersebut mengolah ayat al-Qur'an dari sudut *i'rab* (analisis ketatabahasaan) dan tidak menghubungkan antara kaitan *i'rab* dengan makna kecuali al-Darwish yang mengupas bentuk-bentuk balaghah, sebab turun ayat dan sebagainya. Sementara itu, Muhammad 'Abd al-Khaliq dalam kitab *Dirasat li uslub al-Qur'an al-Karim* membicarakan bab-bab nahu dan pecahan-pecahannya terhadap ayat al-Qur'an. Perbincangan beliau tidak berkait langsung dengan makna al-Qur'an.

Seterusnya, kebanyakan karya ulasan pentafsiran moden lebih banyak memaparkan metode dan aliran mazhab pentafsir dalam karya-karya mereka. al-Dhahabi (t.th.) dalam *al-Tafsir wa al-mufassirun* menulis dengan panjang lebar tentang sejarah tafsir dari sudut pertumbuhan tafsir, perkembangan, metode penulisan dan aliran tafsir. Perbahasan bahasa diolah secara umum kepada tafsir-tafsir tertentu dan tidak berkaitan dengan karya *al-Adwa'* dan *al-Futuhat* secara khusus.

Al-Muhtasib (1973) dalam *Ittijahat al-tafsir fi al-'asr al-hadith* membicarakan aliran pentafsiran moden dan membahagikan pentafsiran al-Qur'an kepada tiga aliran iaitu aliran

salafi, aliran ‘*aqli tawqifi*’ dan aliran sains. Perbahasan beliau tidak berkait secara langsung dengan aliran bahasa lebih-lebih lagi terhadap analisis sintaksis dan setiap permasalahan dibincangkan secara umum sahaja.

al-Fanisan (1997) dalam *Ikhtilaf al-mufassirin, asbabuhu wa atharuh* membicarakan perkembangan ilmu tafsir dan sebab-sebab perbezaan aliran pentafsir. Perbezaan pentafsiran berlaku kerana beberapa faktor, antaranya perbezaan cara bacaan (*qira’at*) dan kepelbagaian bentuk analisis ketatabahasaan, tanda fleksi dan makna perkataan seperti perkataan sinonim, *lafaz haqiqat, majaz, umum, khusus* dan sebagainya. Beliau mengemukakan dua contoh tafsir yang menyeleweng dari sudut tafsiran akidah iaitu, tafsir *Majma‘ al-bayan* karya al-Tabarasi dan tafsir *al-Kashshaf* karya al-Zamakhshari. Pentafsiran aliran fikah diambil daripada dua aliran mazhab yang berbeza iaitu tafsir *al-Jamī‘ li ahkām al-Qur’ān* karya al-Qurtubi dan tafsir *Ahkām al-Qur’ān* karya al-Jasṣas.

‘Abbas (2005) dalam kitab *al-Tafsir asasiyyatuhu wa ijtihadatuhu* menceritakan perkembangan aliran tafsir pada zaman sahabat dan zaman seterusnya, sebab-sebab kepelbagaian pentafsiran al-Qur’ān dan aliran-aliran pentafsir antaranya aliran *bayānī*. Kajian bahasa hanya berkisar kepada kemukjizatan al-Qur’ān dari sudut balaghah sahaja.

Namun begitu, kajian yang mendalam tentang perkembangan ulasan nahu dalam karya tafsir dijalankan oleh Rufaydhah (1990) dalam bukunya, *al-Nahw wa kutub al-tafsir*. Kajian ini menghayati kaitan disiplin ilmu nahu dengan tafsir pada peringkat permulaan pertumbuhannya dan peringkat perkembangan pesat perbahasan nahu sehingga zaman sekarang. Kaitan nahu dengan tafsir al-Qur’ān bermula dengan karya-karya *ma‘ani al-Qur’ān* disusuli dengan *i‘rab al-Qur’ān*. Seterusnya beliau menyusun ahli-ahli tafsir yang menggunakan disiplin ilmu nahu sebagai salah satu mekanisme pentafsiran al-Qur’ān dan mengulas karya-karya tersebut secara umum setiap karya tafsir yang dihasilkan. Karya ini boleh dianggap sebagai karya terawal yang mengkaji sejarah perkembangan nahu dalam tafsir bermula zaman pertumbuhan ilmu nahu sehingga zaman moden, disusun mengikut enam peringkat dan diolah secara akademik. Namun begitu, penekanan Analisis Sintasis terhadap ayat hukum tidak dijalankan secara menyeluruh.

Mohd Hilmi Abdullah menulis dalam tesis Ph.D beliau bertajuk ‘Pemikiran Nahu al-Zamakhsyari dalam tafsir al-Kashshaf’ di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya tahun 2002 membincangkan asas-asas nahu berpandukan kepada tafsir al-Zamakhshari dan tidak berkaitan dengan kajian ini kecuali perbincangan beberapa tajuk tatabahasa tertentu sahaja. Beliau membahagikan pemikiran nahu al-Zamakhshari kepada dua bahagian iaitu, pemikiran positif dan pemikiran negatif dari sudut kesesuaian penggunaannya dalam pengajaran bahasa Arab di Malaysia. Kajian ini menyingkap bentuk-bentuk pemikiran nahu al-Zamakhshari yang terdapat dalam tafsir beliau sama ada berbentuk positif atau negatif. Antara ciri positif yang diulas ialah ketinggian nilai-nilai balaghah, persempalan tajuk-tajuk nahu bahasa Arab dengan jelas dan pemikiran nahu yang diketengahkan untuk tatapan pembaca diolah dengan gaya bahasa yang mudah difahami. Sementara itu, ciri-ciri negatif yang dikemukakan ialah ulasan tafsir banyak mengandungi unsur takwilan, unsur falsafah, pandangan yang bertentangan kaedah nahu dan tafsiran yang memuatkan pandangan aliran Muktazilah.

al-‘Ushaybi (1999) menulis dalam tulisan beliau, *Athar al-ma‘na al-nahwi fi tafsir al-Qur’ān al-Karim bi al-ra‘y* mengaitkan perbezaan antara *al-ma‘na al-nahwi* (makna

tatabahasa) dengan analisis ketatabahasaan (*i’rab*). Karya yang menjadi subjek kajian beliau adalah karya yang berkaitan dengan *tafsir bi al-ra’y*. Kajian ini dimulakan dengan pertumbuhan aliran *tafsir bi al-ra’y* dan perkembangannya dalam penulisan seperti *al-Kitab* karya Sibawayh, *Ma’ani al-Qur’an* karangan *al-Akhfash*, *al-Farra’* dan *al-Zajjaj*. Kesan *ma’ani al-nahwi* dibincangkan dalam pentafsiran al-Qur’an aliran Muktazilah, Syiah dan ahli sufi. Kajian beliau ini amat umum kepada asas-asas perbezaan antara aliran pemikiran yang tersebut di atas.

Naimah Abdullah menulis dalam tesis Ph.D beliau bertajuk ‘Analisis Sintaksis Bahasa Arab dan implikasi kesilapannya ke atas makna’ di Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya tahun 2003, bahawa tahap penguasaan sintaksis bahasa Arab dalam komunikasi dalam kalangan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing. Data pertuturan dan penulisan dikumpul daripada ujian bertulis dan lisan ke atas pelajar Melayu di UPM dan UiTM. Data yang dikumpul untuk mengenal pasti kesilapan sintaksis yang berlaku dalam ayat subjek-predikat, frasa adjektif dan frasa *idafat*. Jenis-jenis kesilapan yang terhasil adalah melibatkan aspek keserasian sama ada daripada segi genus, penggunaan partikel al dan masalah susunan kata. Data yang dikumpul tidak berkaitan dengan tajuk penulis kerana metode yang digunakan merupakan metode analisis kesalahan tatabahasa dan subjek kajian beliau menjurus kepada kesilapan sintaksis yang berlaku dalam ayat subjek-predikat, frasa adjektif dan frasa *idafat*.

Kamarul Shukri Mohd Teh (2005) dalam buku beliau Tatabahasa Arab dan Pembinaan Hukum daripada Al-Qur’an membincangkan sejauh mana tatabahasa Arab mempengaruhi proses pembinaan hukum fikah yang bersumberkan al-Qur’an al-Karim. Beliau menjelaskan bahawa al-Qur’an menjadi sumber utama perundangan Islam, manakala tatabahasa Arab pula adalah wasilah/perantara ke arah pembinaan perundangan tersebut. Karya ini mengupas peranan serta pengaruh unsur tatabahasa Arab dalam pengeluaran hukum, perselisihan pendapat para *fuqaha* dalam sesuatu masalah fikah yang berasaskan perbezaan pendapat dalam tatabahasa Arab akan dikemukakan. Antara unsur tatabahasa yang cukup mempengaruhi proses pengeluaran hukum ialah *i’rab*. Kewujudan *i’rab* dalam sesuatu ayat adalah penting bagi menentukan fungsi tatabahasa serta makna yang terdapat dalam sesuatu kalimah. Kajian ini juga merujuk kepada partikel yang mempunyai nilai bahasa yang tertentu. Penulisan ini mengadaptasi analisis ketatabahasaan ke atas ayat-ayat hukum yang terdapat dalam surah al-Baqarah. Namun begitu, karya ini hanya mengkaji ayat-ayat hukum yang terdapat dalam surah al-Baqarah sahaja dan bukannya dalam seluruh al-Qur’an.

al-Sa’di (2000) dalam *Athar al-dalalah al-nahwiyyah wa al-lughawiyyah fi istinbat al-ahkam min ayat al-Qur’an al-tashri’iyah* membincangkan ayat hukum yang mempunyai makna tatabahasa dan makna bahasa. Kesan makna tatabahasa terhadap tafsiran ayat-ayat hukum dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu pertamanya, *al-Qur’an ‘uruf al-ma’ani* dan kedua, pengaruh kata ganti nama, *ism mawsul, istithna’*, sifat dan sebagainya mengikut bab-bab nahu terhadap ayat tersebut. Makna *lughawi* merujuk kepada kajian semantik kepada tafsiran perkataan-perkataan tertentu seperti *akhun, bashar, hadar, sharika, lamasa, massa* dan sebagainya.

Abdul Wahid Salleh (2001) dalam disertasi sarjana bertajuk Kesan nahu kepada tafsir *al-Bahr al-Muhit* yang dipersembahkan kepada Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan kajian aspek nahu dan pengaruh makna kepada pentafsiran ayat suci al-

Qur'an. Korpus kajian ini adalah dua surah al-Qur'an iaitu, surah al-Baqarah dan Al 'Imran. Kajian ini terbahagi kepada dua bahagian, pertamanya melibatkan biografi Abu Hayyan al-Andalusi, situasi politik dan sosial pada zaman tersebut. Bahagian kedua memfokuskan penghujahan nahu dalam tafsir, istilah nahu yang digunakan dan implikasi analisis ketatabahasaan kepada pentafsiran al-Qur'an. Hasil kajian ini mendapati Abu Hayyan memuatkan pelbagai bentuk analisis ketatabahasaan sehingga boleh dianggap sebagai salah satu daripada karya macani dan *i'rab al-Qur'an*. Bentuk analisis ketatabahasaan yang mempengaruhi pentafsiran al-Qur'an ialah tempat rujukan kata ganti nama, pengguguran (*hadhf*), penambahan (*ziyādah*) perkataan dan partikel macani. Kajian ayat hukum dan bandingan tidak dijalankan dalam disertasi ini.

Perbincangan terhadap korpus utama kajian ini iaitu, tafsir *al-Adwa'* karya al-Shanqiti dan tafsir *al-Futuhat* karangan al-Jamal tidak membahaskan isu tatabahasa dan Analisis Sintaksis. Kebanyakan kajian menekankan aspek biodata pengarang dan aliran tafsir yang dipegang oleh kedua-dua tokoh tersebut. Aspek pembandingan metode penulisan tidak diberi perhatian yang sewajarnya lebih-lebih lagi berkenaan ayat hukum.

Al Shalash (2005) dalam *al-'Allamat al-Shanqiti mufassiran* menerangkan dengan panjang lebar riwayat hidup al-Shanqiti, situasi politik, ekonomi, sosial dan keilmuan pada zamannya. Metodologi pentafsiran juga disentuh seperti tafsir al-Qur'an dengan al-Qur'an, hadith Nabi saw, kata-kata sahabat dan tabiin. Perbincangan bahasa dibahasakan secara umum berkenaan dengan morfologi, nahu, analisis ketatabahasaan dan ilmu balaghah dengan memaparkan beberapa contoh tertentu sahaja.

al-Shaymi (2001) dalam disertasi sarjana bertajuk *al-Shanqiti wa manhajuhu fi al-tafsir* membahaskan sejarah tafsir semenjak awal sehingga zaman al-Shanqiti, biodata kehidupan beliau. Metodologi pentafsiran al-Qur'an dibincangkan dengan menampilkan aliran *tafsir bi al-ma'thur* dan *bi al-ma'qul* di samping penekanan kepada cara istinbat hukum dan proses ijtihad dalam pentafsiran beliau.

Sementara itu, Muhammad Mukhlis (2006) dalam disertasi sarjana bertajuk *Tafsir al-Qur'an bi al-Qur'an: kajian perbandingan antara pemikiran ibn Taymiyyah dan al-Shanqiti* melakukan kajian pembandingan antara metode *tafsir mawdu'i* (tematik) dengan membincangkan persamaan dan perbezaan biodata keduanya dan gaya aliran tafsir *al-Qur'an bi al-Qur'an* antara mereka tanpa melakukan kajian daripada sudut Analisis Sintaksis.

Selain itu, beberapa kajian tentang tafsir *al-Adwa'* dijalankan oleh ilmuwan Islam yang lain. al-Sudays (1990) dalam *Fahras al-masa'il al-usuliyyah fi Adwa' al-bayan* hanya mengindekskan isu-isu usul fiqh dalam tafsir ini dan tidak menjalankan kajian disiplin ilmu nahu termasuk Analisis Sintaksis. Mash'abi (2013) dalam disertasi sarjana bertajuk *al-Qira'at 'inda al-Shaykh Muhammad al-Amin al-Shanqiti wa atharuha fi tafsirihi Adwa' al-Bayan fi idah al-Qur'an bi al-Qur'an* membincangkan riwayat hidup al-Shanqiti, situasi politik, dan keilmuan pada zamannya. Perbincangan seterusnya berkisar kepada disiplin ilmu qira'at dan pengaruhnya kepada pentafsiran al-Qur'an secara umum dan kepada ayat hukum secara khusus.

Sementara itu, kajian tentang tafsir *al-Futūhāt* secara khusus telah dilakukan oleh Khadir (1996) bertajuk *al-'Allamat al-Jamal wa hashiyātuhu 'ala tafsīr al-Jalālayn tahqīq wa dirāsah*. Ia merupakan tesis Ph.D beliau di Universiti al-Azhar dan kajian ini terbahagi kepada dua bahagian, pertamanya kajian biografi pengarang dan situasi politik, sosial dan keilmuan

pada era kerajaan Othmaniyyah. Bahagian kedua adalah proses *tahqiq* manuskrip asal kitab tafsir tersebut dan membandingkannya dengan kitab yang dicetak. Kajian tentang Analisis Sintaksis tidak dibincangkan dalam tulisan beliau.

Hindawi (2003) pula dalam penulisan tesis Ph.D, menjalankan kajian bertajuk *al-Ara'* *al-sarfiyyah wa al-nahwiyyah inda al-Jamal min khilal kitabih al-Futuhat al-Ilahiyyah* dengan mengemukakan pandangan al-Jamal disiplin ilmu sintaksis dan morfologi dengan memberi fokus kepada tiga perkara, iaitu pecahan kata kerja, kata nama *devirasi*, struktur ayat dan kata sendi. Struktur ayat dibahagikan kepada ayat kata nama, kata kerja, ayat *shart* dan frasa keterangan.

Setakat ini, tidak ada sebarang kajian bandingan yang menjuruskan secara langsung kepada Analisis Sintaksis dan peranannya kepada perubahan makna dalam *al-Adwā'* yang dikarang oleh al-Shanqiti dan *al-Futūhāt* karangan al-Jamal. Oleh itu, kajian ini perlu dilakukan untuk mengisi lompong yang masih belum dibuat kajian lagi sebelum ini. Selain itu, kajian ini dijalankan untuk melihat sejauh mana perbincangan Analisis Sintaksis dan kesannya kepada perubahan makna dalam dua tafsir tersebut yang salah satunya dianggap sebagai *tafsīr bi al-ma'thur* dan yang keduanya adalah *tafsīr bi al-ra'y*.

## Kesimpulan

Peranan Analisis Sintaksis amat diperlukan dalam bidang pentafsiran al-Qur'an lantaran ia boleh membuka minda umat Islam memahami makna wahyu Allah SWT dan menghayati ajaran-Nya. Tafsiran yang menyeleweng pasti akan menyesatkan umat Islam dari landasan yang sebenar dan menjerumus mereka kepada kekufuran.

## Rujukan

- ‘Abbas, Fadl Hasan. 2005. *al-Tafsir asasiyyat wa ittijahatuh*. ‘Amman: Maktabah Dandis
- Abdul Wahid Salleh. 2001. Kesan nahu kepada tafsir al-Bahr al-muhit. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Akhfash, Sa‘id ibn Mas‘adah. 1990. *Ma‘ani al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Dhahabi, Muhammad Husayn. T.th. *al-Tafsir wa al-mufassirun*. Bayrut: Dar al-Arqam.
- al-Fanisan, Sa‘ud ibn ‘Abd Allah 1997. *Ikhtilaf al-mufassirin asbabuhu wa atharuh*. al-Riyad: Dar Ishbilia.
- Hindawi, ‘Abd Allah ibn Muhammad. 2003. *al-Ara' al-sarfiyyah wa al-nahwiyyah inda al-Jamal min khilal kitabih al-Futuhat al-Ilahiyyah*. Fayoum: Universiti Fayoum.
- al-Jamal, Sulayman ibn ‘Umar. 1996. *al-Futuhat al-ilahiyyah bi tawdih tafsir al-Jalalayn*. Bayrut : Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- al-Jassas, Abu Bakr Ahmad al-Razi. t.th. *Ahkam al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Kamarul Shukri Mohd Teh. 2005. *Tatabahasa Arab dan pembinaan hukum daripada al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Khadir, ‘Abd al-Fattah Muhammad. 1996. ‘Allamat al-Jamal wa hashiyat ‘ala *tafsir al-Jalalayn*: dirasat wa tahqiq. PhD. al-Qahirah: Jami‘at al-Azhar.

- Muhammad Mukhlis Yunus. 2006. *Tafsir al-Qur'an bi al-Qur'an*: Kajian perbandingan antara pemikiran ibn Taymiyyah dan al-Shanqiti. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur:.
- al-Muhtasib, 'Abd al-Majid. 1973. *Ittijahat al-tafsir fi al-casr al-rahin*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Naimah Abdullah. 2003. 'Analisis Sintaksis Bahasa Arab dan implikasi kesilapannya ke atas makna' tesis Ph.D. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2001. *Kayfa nata'amalu ma'a al-Qur'an al-Karim*. Bayrut: Muassasah al-Risalah.
- al-Qaysi, Makki ibn Abi Talib. 1981. *al-'Umdat fi gharib al-Qur'an*. (pyns) Yusuf 'Abd Rahman. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Qurtubi al-, Muhammad ibn Ahmad. 1993. *al-Jami‘ li ahkam al-Qur'an*. Bayrut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Rida, Muhammad Rashid. 1996. *Tafsir al-Manar*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Rufaydah, Ibrahim 'Abdullah. 1984. *al-Nahw wa Kutub al-Tafsir*. Libya: al-Dar al-Jamahiriyah.
- al-Sacdi, 'Abd al-Qadir ibn 'Abd al-Rahman. 2000. *Athar al-Dalalah al-Nahwiyyah wa al-Lughawiyyah fi Istinbat al-Ahkam*. 'Amman: Dar 'Ammar.
- Safi, Mahmud. 1990. *al-Jadwal fi I'rab al-Qur'an wa Sarfih wa Bayanih*. Bayrut: Dar al-Rashid.
- al-Shafi'i, Muhammad ibn Idris. 1939. *al-Risalat*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Shanqiti, Muhammad al-Amin 1996. *Adwa' al-Bayan fi I'dah al-Qur'an bi al-Qur'an*. Bayrut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shaymi, Ahmad Sayyid Hasanayn ibn Isma'il. 2001. *al-Shanqiti wa Manhajuhu fi al-Tafsir*. al-Qahirah: Jami'ah al-Qahirah.
- Sibawayh, 'Amr ibn 'Uthman. t.th. *Kitab Sibawayh*. pnyg. 'Abd al-Salam Harun. al-Qahirah: Maktabat al-Khanji.
- al-Sudays, 'Abd al-Rahman ibn 'Abd al-'Aziz. 1990. *Fahras al-masa'il al-usuliyyah fi Adwa' al-Bayan*. Makkah al-Mukarramah : Matabi' al-Safa.
- al-'Ushaybi, Bashirah 'Ali. 1999. *Athar al-ma'na al-nahwi fi tafsir al-Qur'an al-Karim bi al-ra'y*. Banghazi: Manshurat Jami'ah Qar Yunus.
- al-Zajjaj, 'Abd al-Rahman. 1986. *Kitab huruf al-ma'ani*. Bayrut: Mua'assasat al-Risalah.
- al-Zamakhshari, Mahmud ibn 'Umar. 1986. *al-Kashshaf 'an haqa'iq al-tanzil wa 'uyun al-ta'wil fi wujuh al-ta'wil*. Bayrut: Dar al-Ma'rifat.
- Zayd, Mustafa. 2009. *Dirasat fi al-tafsir*. al-Qahirah: Dar al-Yusr.